



MSIG Insurance (Malaysia) Bhd  
Registration No. 197901002705 (46983-W)  
Head Office: Customer Service Centre, Level 15,  
Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur  
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)  
[www.msig.com.my](http://www.msig.com.my)

A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

# INSURANS FLEXI HOME GUARD

## Helaian Pendedahan Produk

*(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Flexi Home Guard. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)*

### 1. Apakah yang berkenaan dengan produk ini?

Insurans Flexi Home Guard ini merupakan polisi rumah komprehensif yang melindungi kediaman rumah persendirian/rumah pangsapuri/pangsapuri terhadap kenakaran dan peril lain. Insurans ini juga adalah produk terangkum yang menyediakan perlindungan komprehensif untuk kerugian atau kerosakan tidak sengaja kepada kandungan rumah.

Selanjutnya, produk ini termasuk perlindungan lanjutan untuk memastikan perlindungan kediaman sepanjang masa untuk jaminan yang lebih luas.

Produk ini adalah ditaja jamin oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd dan adalah direka khasnya untuk pelanggan [Hong Leong Bank Berhad](#), yang merupakan Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap yang menetap di Malaysia, Pemegang Permit Kerja/Pas Pekerjaan atau mereka yang bekerja secara sah di Malaysia.

### 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan pada empunya rumah dan mempunyai 4 jenis jumlah yang diinsuranskan yang berbeza ke atas Kandungan Rumah yang merangkumi manfaat-manfaat seperti di bawah:

MANFAAT-MANFAAT	HAD MAKSIMUM <sup>^</sup> (RM)
<p><b>SEKSYEN I - EMPUNYA RUMAH</b>            Melindungi kerugian atau kerosakan terhadap bangunan yang disebabkan oleh berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah</li> <li>• Letupan</li> <li>• Kerosakan pesawat udara</li> <li>• Kerosakan hentaman oleh kenderaan atau binatang</li> <li>• Tangki, perkakas atau paip air pecah atau melimpah*</li> <li>• Kecurian tetapi hanya diikuti dengan pecah masuk atau keluar secara keras dan ganas</li> <li>• Hurikan, siklon, taufan atau ribut angin**</li> <li>• Gempa bumi atau letupan gunung berapi**</li> <li>• Banjir kecuali kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penenggelaman atau runtuh tanah**</li> <li>• Rompakan dan tahan di dalam premis</li> <li>• Kerugian sewa sehingga had 10% daripada jumlah yang diinsuranskan pada bangunan</li> </ul> <p><b>Jika berlakunya kerugian atau kerosakan, lebih seperti berikut akan dikenakan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk peril ditanda dengan*, RM50.00 yang pertama tidak terlindung</li> <li>• Untuk peril ditanda dengan**, 1% yang pertama daripada jumlah yang diinsuranskan pada bangunan atau RM200.00, yang mana lebih rendah</li> </ul>	<p>Jumlah Yang Diinsuranskan akan ditentukan oleh Pihak Diinsuranskan</p>
<p><b>Anda boleh memperluaskan “Seksyen I: Empunya Rumah” untuk melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh berikut dengan bayaran premium tambahan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerosakan Kepingan Kaca</li> <li>• Kerosakan disebabkan oleh hurikan, siklon, taufan atau ribut angin terhadap cerobong asap logam, kajang, bidai, papan tanda dan lekapan atau lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar</li> <li>• Perubahan, Pembaikan dan Penambahan</li> <li>• Insurans Sewa Tambahan</li> <li>• Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Berniat Jahat</li> </ul> <p>Penenggelaman dan Runtuh Tanah</p>	
<p><b>SEKSYEN II - KANDUNGAN RUMAH</b>            Menanggung rugi terhadap kerugian atau kerosakan kandungan rumah anda semasa berada di dalam kediaman persendirian anda.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mana-mana satu barang</li> <li>• Barangan berharga</li> </ul>	<p>Sehingga keseluruhan jumlah yang diinsuranskan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 peratus daripada keseluruhan jumlah yang diinsuranskan ke atas isi kandungan</li> <li>• 1/3 daripada Keseluruhan Jumlah Yang Diinsuranskan ke atas Kandungan Rumah</li> </ul>

MANFAAT-MANFAAT	HAD MAKSIMUM <sup>^</sup> (RM)
<b>Perlindungan Lanjutan untuk Seksyen II: Kandungan Rumah</b> (Hanya diguna pakai dengan jumlah kandungan minimum diinsuranskan sebanyak RM25,000)	
<b>A. Kehilangan Wang Peribadi di Rumah</b> Memberi perlindungan ke atas kehilangan wang peribadi secara tidak sengaja dan fizikal yang disebabkan daripada kecurian, tahanan atau rompakan bersenjata.	1,500
<b>B. Peningkatan Had Secara Automatik Wang Peribadi di Rumah Semasa Musim Perayaan dan Perkahwinan</b> Had agregat di bawah Manfaat L akan secara automatik meningkat sebanyak 100%, untuk melindungi kehilangan wang peribadi secara tidak sengaja dan fizikal yang disebabkan daripada kecurian, tahanan atau rompakan bersenjata untuk 7 hari sebelum hari pertama musim perayaan <sup>^^</sup> /perkahwinan <sup>^^^</sup> sehingga hari ke-7 yang berikutnya (termasuk kedua-dua hari tersebut).  <sup>^^</sup> Musim Perayaan: Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali & Krismas <sup>^^^</sup> Perkahwinan: Perkahwinan Diri Yang Diinsuranskan atau ahli keluarga Diri Yang Diinsuranskan	3,000
<b>C. Penginapan Alternatif</b> Menanggung rugi bagi kos yang diperlukan untuk penginapan alternatif yang munasabah, dan/atau sewa oleh kerana rumah anda tidak lagi boleh didiami akibat kerugian atau kerosakan yang tidak disengajakan.	Sehingga 300 sehari (maksimum 10,000)
<b>D. Manfaat Perlindungan Yuran Penyelenggaraan</b> Membayar ganti rugi untuk bayaran penyelenggaraan bulanan sekiranya rumah anda menjadi dan kekal tidak boleh didiami akibat kerugian atau kerosakan yang tidak disengajakan.	Sehingga 3 bulan (tertakluk kepada 500 atas mana-mana satu kerugian atau dalam agregat)
<b>E. Penggantian Tingkap/Pintu/Kunci Luar</b> Menanggung rugi terhadap kos munasabah yang dikenakan untuk pembaikan, penggantian dan pemasangan tingkap dan pintu luar rumah (termasuk pengunci dan anak kunci) kerana pecah masuk, pecah rumah atau kecurian.	2,000
<b>F. Elaun Kemudahan Kecurian/Rompakan</b> Pembayaran elaun sekiranya berlaku anda/ahli keluarga anda yang tinggal dengan anda mengalami kecederaan yang disebabkan oleh pencuri atau perompak di dalam rumah anda.  Nota: a) Cuti sakit sekurang-kurangnya 1 hari yang diberikan oleh pengamal perubatan adalah diperlukan. b) Dimana elaun dibayar untuk lebih daripada 1 orang daripada kejadian yang sama, pampasan hendaklah dibahagikan secara sama rata.	1,000 atas mana-mana satu kerugian (3,000 dalam agregat)
<b>G. Pampasan Kematian Akibat Kebakaran, Kecurian, Rompakan atau Cubaan Di Tempat Itu</b> Pampasan sekiranya berlaku kematian anda atau kematian sama ada ahli keluarga anda / saudara-mara / pembantu domestic / rakan-rakan yang tinggal secara tetap dengan anda berpunca daripada kecederaan yang berlaku di rumah anda akibat	100,000

kebakaran, kecurian, rompakan atau apa-apa cubaan di tempat itu.	
<b>H. Hiasan Dalaman/Pembaharuan/Pembaikpulih</b> Menanggung rugi terhadap kerugian atau kerosakan kepada kerja-kerja kontrak semasa tempoh hiasan dalaman/pembaharuan/pembaikpulih oleh kontraktor sehingga 2 bulan.	2,000 setiap item (maksimum 20,000)

^ Liabiliti Syarikat adalah terhad kepada mana-mana satu kerugian dan secara agregat dalam mana-mana satu tempoh insurans. Tertakluk kepada terma dan syarat.

### Perlindungan Pilihan

(Anda juga boleh merangkumi perlindungan berikut dengan membayar premium tambahan)

Perlindungan	JUMLAH YANG DIINSURANSKAN/HAD LIABILITI (RM)
<b>(A) KEROSAKAN AKIBAT NIAT JAHAT OLEH PENYEWA</b> Membayar kerugian atau kerosakan pada kandungan anda yang disebabkan oleh perbuatan niat jahat penyewa anda.	Pelan 1: 2,000 Pelan 2: 3,000 Pelan 3: 5,000
<b>(B) PERLINDUNGAN KEPUNYAAN PERIBADI DI SELURUH DUNIA</b> Menanggung rugi terhadap kerugian atau kerosakan kepada barang peribadi dan/atau barangan berharga milik anda atau ahli keluarga anda, di mana sahaja di dunia.	1,000 atas mana-mana satu item (maksimum 3,000)
<b>(C) LIABILITI PERIBADI DI SELURUH DUNIA</b> Membayar kos guaman dan perbelanjaan tertanggung untuk melindungi kecederaan kepada awam dan/atau kerosakan harta benda pihak ketiga apabila anda atau ahli keluarga anda disahkan bertanggungjawab. <ul style="list-style-type: none"> <li>Seluruh Dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada</li> <li>Amerika Syarikat dan Kanada</li> </ul>	2,000,000 dalam agregat 1,000,000 dalam agregat

#### Nota:

- Jumlah yang diinsuranskan untuk Seksyen I adalah ditentukan oleh Orang Yang Diinsuranskan.
- Jumlah yang diinsuranskan untuk Seksyen II dan perlindungan opsyenal adalah ditetapkan sebagaimana jadual manfaat di atas.

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Ia boleh diperbaharui pada setiap ulang tahun tarikh permulaan Polisi dengan bayaran premium yang ditentukan oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd pada masa pembaharuan.

Sila rujuk Dokumen Polisi untuk maklumat terperinci mengenai Jadual Manfaat Insurans Flexi Home Guard.

### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada Empunya Rumah dan/atau Kandungan Rumah, jenis bangunan dan kelas pembinaan (bahan yang digunakan) dan perlindungan pilihan diperlukan dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans. Pilihan premium tahunan anda:

Manfaat	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)				Premium Tahunan Tidak Termasuk Cukai Perkhidmatan 6% (RM)			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Seksyen I: Empunya Rumah	Jumlah Yang Diinsuranskan pada Empunya Rumah + 3,000 pada Kandungan Rumah				Ditentukan oleh Jumlah Yang Diinsuranskan			
Seksyen II: Kandungan Rumah	25,000	50,000	75,000	100,000	143	244	337	439

Duti setem tambahan sebanyak RM10 dikenakan bagi setiap Polisi.

#### Perlindungan Pilihan

Perlindungan	Had Manfaat (RM)	Premium Tahunan Tidak Termasuk Cukai Perkhidmatan 6% (RM)
(A) Kerosakan Dengan Niat Jahat Oleh Penyewa	2,000	31
	3,000	47
	5,000	78
(B) Perlindungan Kepunyaan Peribadi Di Seluruh Dunia	3,000 (1,000 setiap item)	49
(C) Liabiliti Peribadi Di Seluruh Dunia	<ul style="list-style-type: none"> <li>2 juta (kecuali Amerika Syarikat &amp; Kanada)</li> <li>1 juta (Amerika &amp; Kanada)</li> </ul>	50

#### Nota:

Premium minimum yang dikenakan untuk polisi ini adalah RM60.00 selepas potongan apa-apa diskaun tetapi tidak termasuk diskaun untuk komisen atau yuran broker.

### 4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- | <u>Jenis</u>   | <u>Amaun</u>   |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Cukai Perkhidmatan</li> <li>Duti Setem</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>6% daripada premium</li> <li>RM10.00</li> </ul> |

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung Polisi ini.

### 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan:** Ia adalah tugas anda untuk mendedahkan kepada MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("Syarikat") sesuatu perkara yang (a) anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan Syarikat sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau (b) seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan. Kewajipan pendedahan anda hendaklah berterusan sehingga ke masa kontrak insurans itu dibuat, diubah atau diperbaharui.

Di mana anda membeli insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, kewajipan pendedahan di atas

tidak akan terpakai. Sebaliknya, anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh Syarikat dan memeriksa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma dan premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjejaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan sehingga ke masa insurans itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.

- **Dasar pembayaran ganti rugi untuk kerugian/kerosakan terhadap harta benda:**
  - Nilai Pasaran - Ia akan membayar nilai harta diinsuranskan pada masa kerosakan atau kerugian setelah ditolak elau untuk kehausan dan kelusuhan dan/atau susut nilai dan tertakluk kepada pemotongan mana-mana lebihan dan amaun yang wajib ditanggung anda di bawah Polisi ini.
  - Nilai Pengembalian Semula - ia akan membayar kos untuk menggantikan atau mengembalikan harta yang rosak dengan jenis atau bentuk yang sama tetapi tidak melebihi atau lebih baik daripada biasa atau lebih luas daripada harta yang diinsuranskan ketika baru, dengan syarat jumlah yang diinsuranskan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos penggantian atau mengembalikan harta itu.
- **Lebihan** - sebagai amaun yang harus ditanggung oleh anda sendiri sebelum anda dibayar balik.
- **Bidang kuasa di dalam Malaysia** - Indemniti yang diperuntukkan di bawah Seksyen III tidak boleh dikenakan atau memasukkan pampasan untuk ganti rugi berkenaan dengan penghakiman yang bukan diberikan atau didapatkan pertama-tama daripada suatu Mahkamah **BIDANG KUASA KOMPETEN DI DALAM MALAYSIA.**
- **Tunai Sebelum Lindung** - Insurans ini tidak akan berkuat kuasa sehingga premium telah dibayar.
- **Notis Tuntutan** - Anda perlu menyediakan notis bertulis kepada kami dengan maklumat lengkap sebaik menerima notis bagi sebarang kemalangan, kerugian atau kerosakan. Anda boleh menghubungi mana-mana Cawangan MSIG atau penasihat insurans anda untuk mendapatkan salinan borang tuntutan. Anda harus menyerahkan borang tuntutan yang lengkap kepada kami berserta segala dokumen yang berkaitan secepat yang mungkin.  
Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun dengan persetujuan bersama antara anda dan Syarikat.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Dokumen Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Polisi ini.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kejadian berikut:

- Peperangan atau risiko yang seumpamanya.
- Peraturan atau Akta Kerajaan atau Pihak Berkuasa mana-mana Negara.
- Telah diluluhawa, haus dan lusuh, dan kemerosotan.
- Punca atau kerosakan elektrik atau secara mekanikal.
- Sebarang kerugian turutan atau liabiliti undang-undang.

- Kerugian yang disebabkan oleh pemisahan secara sukarela hak milik atau pemilikan sebarang hartanah oleh orang yang diinsuranskan atau orang lain yang mana hartanah itu diamanahkan.
- Apa-apa perbuatan yang melibatkan keganasan.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Dokumen Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.

## 7. Bolehkah saya membuat pembatalan Polisi saya?

Syarikat boleh membatalkan perlindungan ini atau mana-mana seksyen (seperti dalam perenggan 2 di atas) dengan memberi tujuh (7) hari notis melalui berdaftar ke alamat terakhir anda yang diketahui dan pembayaran balik premium akan bergantung pada tempoh perlindungan telah berkuat kuasa dan sama ada sebarang tuntutan telah dibuat.

Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberitahu kami secara bertulis. Sebarang pembayaran balik premium adalah berdasarkan kepada skala jangka masa pendek dan bergantung kepada berapa lama perlindungan berkuat kuasa dan tertakluk pada premium minima sebanyak RM60.00 dan sama ada sebarang tuntutan telah dibuat. Kadar jangka pendek seperti berikut:

Tempoh Tidak Melebihi	Pemulangan Premium Tahunan
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh Melebihi 11 bulan	Tiada Pemulangan

## 8. Apa yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran hubungan/peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Anda juga harus memaklumkan kami secara bertulis dengan segera sebaik sahaja anda mengetahui sebarang perubahan dalam penggajian, pekerjaan, tugas atau kegiatan mana-mana Orang Yang Diinsuranskan, atau apa-apa perubahan lain yang mungkin meningkatkan profil risiko Polisi ini. Anda mungkin perlu membayar premium tambahan akibat daripada apa-apa perubahan tersebut.

## 9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Flexi Home Guard, sila hubungi kami di:



MSIG Insurance (Malaysia) Bhd  
Registration No. 197901002705 (46983-W)  
Head Office: Customer Service Centre, Level 15,  
Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur  
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)  
[www.msig.com.my](http://www.msig.com.my)

A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd  
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)  
Pusat Khidmat Pelanggan:  
Tingkat 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng  
No. 1, Jalan P. Ramlee  
50250 Kuala Lumpur  
Tel : (603) 2050 8228  
Faks : (603) 2026 8086  
Talian Perkhidmatan Pelanggan: 1800-88-MSIG (6744)  
E-mel: [myMSIG@my.msig-asia.com](mailto:myMSIG@my.msig-asia.com)

Syarikat Insurans:  
MSIG Insurance (Malaysia) Bhd  
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)  
Bancassurance:  
Level 16, Menara Hap Seng 2  
Plaza Hap Seng  
No. 1, Jalan P. Ramlee  
50250 Kuala Lumpur.  
MSIG Banca Hotline: 1800-88-6163  
Fax : (603) 2070 5959  
E-mail: [banchahotline@my.msig-asia.com](mailto:banchahotline@my.msig-asia.com)

Diedarkan oleh:  
Hong Leong Bank Berhad  
Level 16, Hong Leong Tower  
No.6, Jalan Damanela  
Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur

#### 10. Lain-lain jenis perlindungan insurans kandungan rumah yang disediakan:

- Sila rujuk kepada laman web kami di [www.msig.com.my](http://www.msig.com.my).

**NOTA PENTING: ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN BANK ATAU BERHUBUNG DENGAN SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK INFORMASI LEBIH TERPERINCI**

Maklumat yang disediakan dalam Helaiian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 30/03/2023.